

02 OCT 1998

AGONG UCAP TAHNIAH KEPADA JERMAN

KUALA LUMPUR, 2 Okt (Bernama) -- Yang di-Pertuan Agong, Tuanku Ja'afar dan Raja Permaisuri Agong Tuanku Najihah hari ini mengirim perutusan tahniah kepada Presiden Republik Persekutuan Jerman, Prof Roman Herzog sempena Hari Perpaduan Jerman esok.

Dalam perutusan yang dihantar melalui Wisma Putra, Tuanku Ja'afar mendoakan kesejahteraan bagi Herzog dan rakyat Jerman.

Sementara itu Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam perutusannya kepada Canselor Dr Helmut Kohl melahirkan keyakinan rakyat Jerman akan terus menikmati keamanan dan kemakmuran.

Beliau berharap hubungan persahabatan dan kerjasama antara Malaysia dan Jerman akan dapat diperkukuhkan pada masa hadapan.

Menteri Luar Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dalam perutusan yang serupa kepada rakan sejawatannya, Dr Klaus Kinkel, berkata Malaysia akan terus komited untuk memupuk dan meningkatkan hubungan erat dengan Jerman.

-- BERNAMA

APG oba